

Mohd Mujahid Mohd Yusoff

From: ROSNANI BINTI MOHAMED ZAIN (MITI) <rosnani@miti.gov.my>
Sent: Monday, 8 May, 2023 3:37 PM
To: wansupian@mida.gov.my; ZAIMAH OSMAN (MATRADE); hizra@midf.com.my; bahrim@sirim.my; Kartin Haslinda Che Mat
Cc: AZYYATI BINTI IBRAHIM (MITI); norlina@mida.gov.my; MOHD ZULKHAIRIE EFFENDIE MOHD ZAIN (MATRADE); Mohd Mujahid Mohd Yusoff; muhammad.aiman@midf.com.my; nazman@sirim.my
Subject: PROGRAM KOLABORASI MITI DAN AGENSI MITI DI KELANTAN: PROGRAM OUTREACH MITI & AGENSI MITI BERSAMA PEMAIN INDUSTRI DI KELANTAN
Attachments: QUOTATION HDS - KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI) ON 28 MAY 2023 (2).pdf

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Tuan/Puan,

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana yang sedia maklum, Mesyuarat Penyelarasan MITI dan Agensi MITI di Kelantan Bil. 1/2023 telah bersetuju dengan cadangan untuk mengadakan satu program kolaborasi MITI dan Agensi MITI bersama pemain industri di Negeri Kelantan. Susulan itu, satu **Program Outreach MITI & Agensi MITI Bersama Pemain Industri di Negeri Kelantan** akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 28 Mei 2023 (Ahad)
Masa : 8.30 pagi – 3.00 petang
Tempat : Dewan Puteri Sa'adong
Hotel Grand Riverview
Kota Bharu, Kelantan.

3. Objektif utama program ini dilaksanakan adalah untuk menyampaikan maklumat-maklumat terkini mengenai perkhidmatan, bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh MITI & agensi-agensinya kepada pihak industri dan usahawan di Negeri Kelantan. Selain itu, program ini menjadi platform MITI dan agensi untuk perkembangan terkini dan mendapatkan maklum balas daripada pihak industri mengenai isu dan masalah yang dihadapi oleh pihak industri. Penganjuran program ini juga dapat mengeratkan lagi ikatan diantara MITI & agensi dengan pemain-pemain industri di Negeri Kelantan

4. Justeru itu, bagi memastikan program ini dapat mencapai objektif yang dinyatakan dengan kaedah kos yang lebih efektif, berikut dikemukakan cadangan perincian perkongsian kos penganjuran program bersama agensi terlibat (mengikut bilangan peserta):

BIL	AGENSI	BIL. PESERTA	PAKEJ SEMINAR** (RM)	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
1	MITI KELANTAN	50	80.00	4,000.00
2	MIDA KELANTAN	10	80.00	800.00

3	MATRADE WILAYAH TIMUR	10	80.00	800.00
4	MPC KELANTAN	10	80.00	800.00
5	MIDF WILAYAH TIMUR	10	80.00	800.00
6	SIRIM WILAYAH TIMUR	10	80.00	800.00
JUMLAH		100		8,000.00

** Pakej seminar (1/2 hari) termasuk minum pagi, makan tengah hari dan caj penggunaan dewan termasuk kemudahan lain (harga termasuk 6% cukai dan 10% cas perkhidmatan). Sebutharga daripada Hotel Grand Riverview dilampirkan untuk makluman dan tindakan pihak tuan/puan selanjutnya.

5. Sehubungan itu, kerjasama tuan/puan untuk mengesahkan persetujuan penglibatan agensi tuan/puan seperti cadangan yang dinyatakan pada atau sebelum 14 Mei 2023 adalah amat dihargai untuk tindakan selanjutnya. Sebarang pertanyaan lanjut pihak tuan/puan boleh menghubungi saya di talian 012-3596741 atau emel rosnani@miti.gov.my.

6. Pertimbangan dan sokongan tuan/puan dalam menjayakan program ini adalah amat diharapkan dan didahului ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Rosnani Binti Mohamed Zain
MITI Wilayah Kelantan
Tel : 09 - 748 3457
Faks : 09 - 744 4167
Emel : rosnani@miti.gov.my

Peringatan

Pengguna Perkhidmatan MyGovUC 2.0 adalah bertanggungjawab melindungi kerahsiaan data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan. Adalah diingatkan agar pengguna sentiasa peka dengan SEMUA peraturan, arahan keselamatan dan pekeliling semasa yang berkuatkuasa bagi semua pengendalian data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan yang berkaitan.